

FATWA MENGENAI HUKUM BAHAN PEWARNA *COCHINEAL*: KAJIAN SEMULA KADAR  
PIAWAIAN YANG DITETAPKAN OLEH MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS  
KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini;

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 37 (6) Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta* dan Kerajaan Negeri telah dimaklumkan tentang fatwa ini;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 37(7) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa kali ke-203 yang bersidang pada 23-25 Februari 2015 bersamaan 4-6 Jamadilawal 1436H dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

- i. Setelah meneliti keterangan, hujah-hujah dan pandangan yang dikemukakan, mesyuarat berpandangan bahawa *cochineal* adalah jenis serangga (kumbang betina) yang tidak membahayakan dan zat pewarna yang dihasilkan daripada *cochineal* boleh dimanfaatkan oleh manusia. Dari segi perundangan negara, Peraturan-Peraturan Makanan 1985 telah

menetapkan bahawa pewarna *carmine* yang diperolehi dan dihasilkan daripada *cochineal* adalah dibenarkan berdasarkan Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP).

- ii. Mesyuarat juga menegaskan bahawa *Jumhur Fuqaha'* sepakat menetapkan bahawa bangkai serangga yang darahnya tidak mengalir adalah suci, dan pewarna *cochineal* adalah diperolehi daripada serangga *cochineal* yang telah mati di mana darahnya tidak mengalir.
- iii. Berdasarkan ketetapan tersebut, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa penggunaan bahan pewarna *cochineal* dalam makanan, minuman dan barang gunaan adalah diharuskan dan kadar penggunaan yang dibenarkan adalah mengikut ketetapan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia selagi mana ia tidak mendatangkan kemudharatan.

Bertarikh 9 Ogos 2018

[MNPk.A351.IST/01/7JLD4;PU.Pk.07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan  
TAN SERI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA  
*Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa*  
*Negeri Perak Darul Ridzuan*